

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3 October 2015

Tingkat usaha capai status negara berpendapatan tinggi

# Pupuk sifat gigih berusaha - PM

Oleh **HUSSAINI AMRAN**  
hussaini.amran@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 2 OKT.**

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak berkata, masih banyak usaha yang perlu dilakukan oleh semua pihak di negara ini bagi mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi.

Perdana Menteri memberitahu, antara usaha yang perlu dilakukan adalah memupuk sifat gigih berusaha dan sentiasa berfikiran inovatif.

“Inilah yang akan membolehkan kita menjadi lebih produktif dan mendatangkan pulangan yang lebih lumayan buat diri kita sendiri sekali gus menjana pendapatan tinggi kepada ekonomi negara secara keseluruhannya,” katanya dalam rakaman audio yang dimuat naik ke laman blog *NajibRazak.com* hari ini.

Beliau juga percaya produktiviti merupakan tunjang kepada ekonomi yang mampan yang mana produktiviti yang lebih tinggi akan menyumbang kepada pendapatan lebih lumayan.

Najib memberi contoh, pekerja yang memberi sumbangan besar kepada syarikat akan dinaikkan pangkat sekali gus meningkatkan pendapatan mereka.

“Samalah seperti negara juga, sekiranya para pekerja sesebuah negara itu lebih produktif, maka ekonomi negara mampu menjana pendapatan yang lebih untuk semua.

“Inilah yang dimaksudkan dengan negara berpendapatan tinggi,” jelasnya.

Menurut beliau, berdasarkan pertimbangan tersebut, kerajaan telah

UM - 3/10/2015

memberikan peruntukan yang besar daripada bajet tahunan untuk sektor pendidikan dan latihan.

“Alhamdulillah, taraf pendidikan rakyat Malaysia kian meningkat dan produktiviti kita pada tahap ini masih mampu mengekalkan kemampan ekonomi negara,” ujarnya.

Perdana Menteri turut memberi jaminan bahawa asas ekonomi negara masih mampan dan kukuh walaupun Malaysia sedang mengalami beberapa cabaran ekonomi yang sebahagian besarnya disebabkan faktor luaran.



**Inilah yang akan membolehkan kita menjadi lebih produktif dan mendatangkan pulangan yang lebih lumayan buat diri kita sendiri...”**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri